AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

# Pelajar pengsan selepas hisap vape disahkan bebas ujian dadah

## Laporan Jabatan Kimia dapati tiada bahan terlarang dalam rokok elektrik

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my




*Mohd Khairi (dua dari kanan) dan Pengarah Penerangan Terengganu, Sait Yaman (kanan) melepaskan konvoi kenderaan pada Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang Terengganu, semalam.*
(Foto Baharom Bakar/BH)

**Kuala Terengganu:** Tiada bahan terlarang dan kesan dadah dalam rokok elektronik atau vape yang dihisap seorang pelajar sehingga tidak sedarkan diri, akhir bulan lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin, berkata pihaknya sudah menerima laporan Jabatan Kimia Selasa lalu dan mendapati, tiada kesan dadah atau bahan terlarang dalam tubuh pelajar Tingkatan Empat sebuah sekolah menengah di Kemaman itu.

"Keadaan pelajar berkenaan stabil tetapi masih menerima rawatan di hospital kerana menghidap penyakit sawan," katanya selepas Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang peringkat negeri, di pekarangan Wisma Persekutuan, di sini semalam.

Akhir bulan lalu, media melaporkan seorang pelajar dilaporkan tidak sedarkan diri selepas dipercayai menghisap vape, pada 22 Julai lalu.

### Tidak boleh sabit salah

Mohd Khairi berkata, berdasarkan laporan Jabatan Kimia, pelajar terbabit tidak boleh disabitkan dengan kesalahan termasuk dikenakan tindakan di bawah Akta Dadah.

"Walaupun kes pelajar menghisap vape sehingga tidak sedarkan diri dianggap terpencil, pihak polis akan memperketatkan pemantauan dan pemeriksaan di semua premis menjual bahan itu di seluruh negeri.

"Dalam beberapa operasi yang diadakan di premis menjual vape sebelum ini, kita merampas cecair yang mengandungi bahan terlarang," katanya yang turut mengesahkan pengusaha premis berkenaan sudah diambil tindakan mengikut Akta Dadah.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : BISNES




*Lukanisman (tengah) bersama Mohd Mokhtar (tiga dari kiri) pada majlis penjenamaan semula nama Stesen MRT Kota Damansara Thomson Hospital, di Petaling Jaya, semalam.* (Foto Amirudin Sahib/BH)

# Hospital Thomson, MRT Corp jenamakan semula stesen Kota Damansara

**Hospital Thomson Kota Damansara**, penyedia penjagaan pusat kesihatan tertier utama bagi kumpulan TMC Life Sciences Bhd menjalinkan kerjasama dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bagi penjenamaan semula stesen MRT Kota Damansara sebagai MRT Kota Damansara Thomson Hospital.

Inisiatif strategik ini menekankan kepentingan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan komitmen Hospital Thomson dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang mampan.

Kedudukan stesen MRT Kota Damansara yang bersebelahan hospital, dihubungkan secara langsung dengan laluan pejalan kaki yang berbumbung sepenuhnya, memudahkan akses selesa untuk pesakit dan pelawat.

Pengerusi TMC Life Sciences, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata bagi mengukuhkan komitmen selama 30 tahun dalam meraikan kehidupan, Hospital Thomson menyediakan khidmat penjagaan tertiari yang menyeluruh, khusus kepada komuniti penjagaan kesihatan.

"Antara komitmen utama kami adalah dengan memastikan penjagaan kesihatan kekal dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.

"Penjenamaan stesen MRT ini mewakili pengukuhan ketara keupayaan kami dalam memberi perkhidmatan kepada pesakit tempatan dan antarabangsa, khususnya dari Indonesia, China, Bangladesh dan negara lain," katanya selepas majlis penjenamaan semula nama Stesen MRT Kota Damansara Thomson Hospital, di Petaling Jaya, semalam.

Majlis disempurnakan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Mohd Mokhtar berkata, stesen MRT yang dijenamakan semula ini akan memainkan peranan dalam menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam untuk perjalanan ke hospital selaras dengan TMC Life Sciences menuju ke arah pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TMC Life Sciences, Dr Melvin HengJun Li, berkata dalam menyampaikan penjagaan kesihatan yang boleh diakses, inisiatif ini mewakili usaha berterusan syarikat untuk menambah baik pengalaman pesakit dan terus memberikan khidmat penjagaan kesihatan bertaraf dunia kepada komuniti.

"Acara ini membuka lembaran baharu dalam usaha meningkatkan penjagaan kesihatan untuk masyarakat dan menyerlahkan komitmen bersama serta menambah baik kelestarian penjagaan kesihatan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Lukanisman berkata, penjenamaan semula itu menandakan kemuncak usaha kerajaan dalam merapatkan jurang antara aspek penjagaan kesihatan dan pengangkutan awam.

"Dengan penjenamaan semula stesen MRT Kota Damansara Thomson Hospital, ia bukan sahaja dapat meningkatkan penjagaan pesakit tetapi juga menyokong kesejahteraan profesional.

"Penggunaan pengangkutan awam juga akan menyokong persekitaran yang mampan untuk masa depan yang lebih sihat dan hijau bagi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



Pandai berlakon jadi pegawai perubatan pediatrik selama dua bulan

# DOKTOR 14 TAHUN DI HOSPITAL SERDANG

**PETALING JAYA –** Seorang remaja perempuan yang baru berusia 14 tahun bertindak licik apabila berjaya menyamar sebagai doktor di Hospital Sultan Idris Shah Serdang, Serdang selama kira-kira dua bulan tanpa disedari petugas lain.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

# Doktor 14 tahun di Hospital Serdang

DARI MUKA 1

Lebih hebat apabila remaja yang berbadan kurus terbabit mempunyai pas kerja dan mampu mengakses komputer selain turut membuat rondaan di wad-wad hospital berkenaan, persis seorang doktor sebenar.

Menurut sumber, sepanjang dua bulan berada di hospital tersebut, remaja terbabit pandai berlakon sebagai pegawai perubatan pediatrik dengan merawat para pesakit serta memberi ubat-ubatan.

Katanya, remaja terbabit memasuki Hospital Sultan Idris Shah Serdang kononnya datang dari hospital kerajaan berhampiran bagi melengkapkan syarat untuk menjadi seorang doktor pakar.

"Selasa lalu, dia minta untuk memasuki dewan bedah dan mahu menjadi pembantu doktor pakar bedah.

"Jadi apabila dia masuk, kakitangan lain sangsi dengan kehadiran remaja terbabit dan menghalaunya keluar dan panggil pengawal keselamatan untuk kepung remaja itu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sumber memberitahu, doktor palsu itu bagaimanapun berjaya melarikan diri, namun remaja terbabit berani datang semula ke Hospital Sultan Idris Shah Serdang kelmarin.

"Pengawal keselamatan jumpa doktor palsu itu di surau hospital dan tanya buat apa? Mana pas kerja? Tetapi dia cakap pas kerja hilang.

"Pengawal keselamatan ketika itu tidak syak apa-apa lagi dan minta remaja terbabit buat pas kerja, namun tidak datang-datang juga," ujarnya.

Bagaimanapun, kegiatannya terbongkar selepas remaja itu membuat aduan di bahagian keselamatan dan kesihatan pekerjaan hospital kononnya telah menjadi mangsa gangguan seksual.

Siasatan mendapati, aduan tersebut adalah palsu dan pengadu didapati telah menyamar sebagai doktor selepas identitinya tiada dalam senarai kakitangan hospital berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof pula mengesahkan telah menerima laporan berhubung kejadian tersebut.

Katanya, siasatan dilakukan berdasarkan laporan yang dibuat di Balai Polis Dato Abu Bakar Baginda, Kajang.



**GAYA seorang remaja perempuan persis doktor membuatkan petugas lain tidak menyedari kegiatannya.** – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Masalah sama turut dihadapi oleh negara-negara lain

# 'Penderma selepas kematian kurang'

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

**PETALING JAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui wujud kekurangan organ daripada penderma selepas kematian.

KKM dalam kenyataannya kepada *Kosmo!* berkata, isu itu yang bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, malah juga di negara-negara lain.

"Ketidakseimbangan di antara 'demand and supply' menyebabkan tempoh masa menunggu yang lama untuk menjalani pembedahan transplantasi daripada penderma selepas kematian.

"KKM mengecam sekeras-kerasnya sebarang bentuk pemerdagangan organ atau perolehan organ bagi tujuan transplantasi melalui aktiviti komersialisasi termasuklah jualan di mana-mana platform media sosial atau e-dagang," katanya.

KKM menegaskan, dakwaan mengenai wujudnya aktiviti jual beli organ di negara ini perlu ditangani secara serius kerana ia memberi impak yang besar kepada perkhidmatan transplantasi di Malaysia dan secara tidak langsung boleh mencemarkan imej negara di peringkat antarabangsa.

"Pendermaan organ boleh diperoleh daripada penderma selepas kematian atau daripada penderma yang masih hidup.

"Eksploitasi terhadap golongan tertentu adalah bercanggah dengan etika perubatan dan sebarang aktiviti melibatkan pemerdagangan orang untuk tujuan jual beli organ perlu disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Atipsom)," tegasnya.



**KKM mengecam sekeras-kerasnya sebarang bentuk pemerdagangan organ atau perolehan organ di mana-mana platform media sosial atau e-dagang.** – GAMBAR HIASAN

Bagi membanteras isu pemerdagangan organ termasuk buah pinggang, KKM melalui penubuhan sebuah jawatankuasa khas akan meneliti setiap permohonan pendermaan organ dalam kalangan penderma semasa hidup.

"Penelitian ke atas pasangan bakal penderma dan penerima yang tidak mempunyai perkaitan kekeluargaan (*unrelated*) ataupun melibatkan pasangan bakal penderma dan penerima bukan warganegara.

"Objektif utama jawatankuasa adalah melindungi hak bakal penderma dan memastikan pendermaan organ tidak melibatkan sebarang paksaan ataupun mempunyai unsur pemerdagangan," katanya.

Malah KKM memberitahu, kawal selia kelulusan fasiliti perubatan swasta adalah di bawah bidang kuasa pihakya.

"Di Malaysia, pusat perubatan swasta yang ingin menyampaikan perkhidmatan transplantasi buah pinggang perlu mendapatkan kelulusan khas lesen perkhidmatan fasiliti mengikut peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

"Mereka juga perlu mematuhi garis panduan untuk menubuhkan atau menyediakan kemudahan serta perkhidmatan *renal transplant* di hospital swasta (Bil 1/2014)," jelasnya.

*Kosmo!* menerusi laporan khas bersiri Julai lalu melaporkan, terdapat pihak yang terdesak kerana berdepan kesempitan hidup nekad menjual buah pinggang secara terbuka di Facebook biarpun ia menyalahi undang-undang.




LAPORAN khas bersiri muka depan *Kosmo!* pada 22 dan 23 Julai 2024.

# Facebook *Mencari Penderma Buah Pinggang* 'ghaib'

**PETALING JAYA** – Kumpulan Facebook, *Mencari Penderma Buah Pinggang* yang dikesan menjalankan kegiatan haram 'tawar-menawar' penjualan buah pinggang secara terbuka didapati telah tiada dalam senarai pencarian sejak semalam.

Semakan *Kosmo!* di platform itu mendapati kumpulan tersebut yang ditubuhkan pada 29 Disember 2022 oleh pengendali Willyum Ananth tidak lagi dapat diakses oleh orang ramai.

Pautan *https://www.facebook.com/groups/1337354353688814/?ref=share&mibextid=NSMWBT* yang menghubungkan pengguna kepada laman kumpulan terbabit juga gagal diakses.

"Kandungan ini tidak tersedia pada masa ini. Apabila ini berlaku, kebiasaannya kerana pemilik hanya berkongsi dengan sekumpulan kecil orang, menukar penetapan penonton atau ia telah dipadamkan," itu kenyataan yang tersedia apabila pengguna menekan pautan tersebut.




**TANGKAP layar menunjukkan laman Facebook *Mencari Penderma Buah Pinggang* yang sudah tidak boleh dilayari.**

Sementara itu, Presiden Persatuan Transplan Malaysia (MST), Dr. Mohamad Zaimi Abdul Wahab memaklumkan pihaknya telah membuat laporan kepada Facebook pada Selasa lalu mengenai aktiviti jualan buah pinggang dalam kumpulan terbabit.

"Selepas pihak kami dapat maklumat berkaitan aktiviti jual beli buah pinggang secara terbuka di kumpulan terbabit, pihak kami dengan segera membuat laporan kepada Facebook.

"Sebelum laporan dibuat, saya masih boleh akses (kumpulan *Mencari Penderma Buah Pinggang*), tetapi hari ini (semalam) semak dah tiada," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Katanya, pihak MST turut membuat laporan polis bagi mengesan kegiatan haram tersebut serta mahu tindakan tegas dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) ketika dihubungi memaklumkan, pihaknya menerima dua aduan berkaitan kumpulan Facebook terbabit pada Julai lalu dan sedang dalam penelitian untuk tindakan selanjutnya.

Menerusi laporan khas bersiri di muka depan akhbar ini berjaya mendedahkan terdapat pihak yang terdesak kerana berdepan dengan kesempitan hidup dan masalah kewangan.

Ia memaksa mereka sehingga nekad menjual buah pinggang dengan harga mencecah ratusan ribu ringgit secara terbuka di Facebook walaupun mengetahui ia salah di sisi undang-undang.

Kegiatan haram itu dikesan dalam satu kumpulan *Mencari Penderma Buah Pinggang* di mana rata-rata ahlinya menawarkan organ masing-masing kepada pihak yang terdesak untuk mendapatkannya kerana terpaksa menunggu giliran yang lama daripada penderma.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

16 Negara!
Kosmo! JUMAAT 9 OGOS 2024

Gesaan CAP atasi masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak

# Naikkan cukai makanan tidak sihat

Oleh NOOR HASLIZA NUSI



Mi segera dan makanan proses bergoreng sangat popular di negara ini kerana murah dan mudah dimasak untuk hidangan kanak-kanak.

**GEORGE TOWN** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa melaksanakan cukai ke atas makanan tidak sihat sebagai langkah membendung obesiti dan isu kesihatan orang dewasa serta kanak-kanak terutama pelajar sekolah.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan mendapati obesiti dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia adalah kedua tertinggi di ASEAN dan jumlahnya kini dikatakan semakin membimbangkan.

Menurutnya, kebimbangan paling utama adalah kesan produk makanan dan minuman ultra proses (UPF) terhadap penambahan berat badan serta risiko menghidapi penyakit tidak berjangkit (NCD).

"Salah satu UPF yang paling popular di negara ini adalah mi segera, sosej, nuget dan daging diproses, yang boleh didapati pada harga murah, pelbagai perisa dan bentuk serta masak dalam beberapa minit.

"Menurut Persatuan Mi Segera Dunia (WINA), Malaysia menduduki tempat ke-13 dalam penggunaan mi segera global pada 2023 dengan 1,640 juta hidangan," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Dalam pada itu, kata Mohideen, analisis penilaian sejawat baharu oleh Imperial College Business School juga mendedahkan pelaksanaan cukai ke atas makanan yang tinggi kandungan lemak, garam atau gula (HSFF) termasuk UPF boleh mengurangkan penjualan dan pengambilannya.

"Ini yang boleh membawa kepada kadar obesiti dan masalah kesihatan berkaitan diet yang lebih rendah terutamanya apabila digabungkan dengan subsidi bagi makanan yang lebih sihat.

"Sehingga kini sebanyak 16 negara telah melaksanakan cukai itu, antaranya Mexico, Amerika Syarikat, Denmark dan Belanda," ujarnya.

Justeru, beliau menggesa pihak berkuasa mengharamkan terus penjualan menu makanan tidak sihat terutama yang dipasarkan secara tersembunyi atau terbuka di kantin mahupun di luar pekarangan sekolah.

"CAP juga mencadangkan agar pihak terbabit menyediakan subsidi bagi makanan sihat, segar atau diproses secara minimum bagi isi rumah berpendapatan rendah," tambahnya.

Julai lalu, media melaporkan Kementerian Kesihatan memaklumkan prevalen bantut dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa telah menunjukkan peningkatan di negara ini.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL

MENYAMAR JADI STAF HOSPITAL

# Remaja ditahan

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

**Sepang**

Seorang remaja ditahan polis selepas disyaki menyamar sebagai petugas di Hospital Serdang, dekat sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Wan Kamarul Wan Azran berkata, suspek berusia 14 tahun ditahan di Balai Polis Datuk Abdul Razak Baginda di sini.

"Kami ada terima laporan, kejadian baru lagi dan suspek menyamar sebagai staf hospital, bukan sebagai doktor," katanya ringkas ketika dihubungi semalam.

Bagaimanapun, setakat ini tiada maklumat lanjut berhubung identiti dan motif suspek melakukan perkara itu.

Sebelum itu, tular satu mesej di media sosial berhubung seorang remaja menyamar sebagai doktor selama dua bulan tanpa disedari sesiapa.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

# Remaja 14 tahun menyamar jadi doktor

## Guna identiti palsu mahu bantu jalankan pembedahan di Hospital Sultan Idris Shah Serdang

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SERDANG



Seorang remaja berusia 14 tahun ditahan selepas menyamar sebagai pegawai perubatan di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang. Gambar kecil: Wan Kamarul Azran.

Mahkamah & Jenayah

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima satu laporan daripada kakitangan Hospital Sultan Idris Shah di sini berkaitan seorang remaja perempuan yang tidak dikenali berada dalam dewan bedah hospital tersebut.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, pihaknya menerima laporan tersebut pada jam 1 petang Rabu menyatakan remaja itu mengaku sebagai pegawai perubatan dan mahu membantu menjalankan pembedahan.

Bagaimanapun beliau berkata, pihak hospital telah mengenal pasti kehadiran remaja yang sama pada Khamis jam 8.30 pagi.

"Remaja ini cuba mendaftarkan diri di kaunter dengan menggunakan identiti palsu.

"Pihak hospital terus menghubungi polis dan tangkapan telah dilakukan ke atas remaja berusia 14 tahun tersebut pada jam 9 pagi," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut beliau, tangkapan dibuat di lobi hospital tersebut dan polis merampas sehelai baju scrub, seluar scrub dan *lanyard* hak milik hospital berkenaan.

Katanya, satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan atau Seksyen 170 kanun yang sama kerana menceroboh dan menyamar sebagai penjawat awam.

"Jika sabit kesalahan menceroboh boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya.

"Manakala hukuman bagi menyamar sebagai penjawat awam boleh dipenjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

Tegas beliau, pihaknya menasihatkan orang ramai untuk tidak menimbulkan apa-apa spekulasi serta tidak berkongsi berita yang tidak benar berhubung kejadian tersebut.

Sebelum kejadian tersebut, tular satu mesej di media sosial yang mendakwa seorang remaja menyamar sebagai doktor selama dua bulan tanpa disedari sesiapa.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

# Pelajar pengsan hisap vape *magic mushroom* bebas dadah

**KUALA TERENGGANU -** Polis mengesahkan tiada kesan dadah ditemui dalam sampel darah pelajar Tingkatan Empat sebuah sekolah menengah di Kemaman yang dilaporkan tidak sedarkan diri selepas menghisap rokok elektronik mengandungi *magic mushroom*, 22 Julai lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Kharudin berkata, ini berdasarkan laporan diterima daripada Jabatan Kimia dua hari lepas.

"Saya sudah terima laporan daripada Jabatan Kimia dan mendapati keputusannya adalah negatif.

"Ini bermaksud tidak ada kesan dadah dalam tubuh pelajar tersebut sekali gus tidak ada kes yang boleh disabitkan kesalahan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 Peringkat Negeri Terengganu di Wisma Persekutuan di sini pada Khamis.



MOHD KHAIRI

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan seorang pelajar Tingkatan Empat di Kemaman dikejarkan ke hospital selepas mengalami sawan dan tidak sedarkan diri selepas mengambil rokok elektronik atau vape jenis *magic mushroom*.

Menurut sumber, kejadian itu berlaku kira-kira jam 10.30 pagi apabila mangsa dikatakan rebah secara tiba-tiba dan tidak sedarkan diri ketika berada di sekolah.

Mengulas lanjut, Mohd Khairi menyatakan pelajar tersebut dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan kini masih dirawat di hospital.

"Bagaimanapun ada kalanya dia diserang sawan dan pihak hospital sedang menyiasat punca tiba-tiba pelajar berkenaan menghidap penyakit itu," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MINDA PENGARANG

**Minda Pengarang**

IMRAN MOHAMAD NOR



# *Lahir dan jadilah generasi sihat*

PADA suku tahun pertama 2024, jumlah penduduk Malaysia dianggarkan mencecah 34 juta orang, meningkat 2.3 peratus berbanding 33.2 juta pada suku tahun pertama 2023. Jumlah tersebut merangkumi 30.6 juta (90 peratus) warganegara dan 3.4 juta (10 peratus) bukan warganegara.

Data itu adalah hasil laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data penduduk, kelahiran hidup dan kematian bagi suku tahun pertama 2024. Bagi kelahiran hidup, direkodkan berlaku penurunan sebanyak 9.4 peratus (106,386 kelahiran) berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023.

Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 49 bayi bagi setiap jam dan 1,182 bayi dilahirkan sehari pada suku tahun pertama 2024. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 54,747 kelahiran berbanding 51,639 kelahiran.

Manakala sebanyak 47,964 kematian direkodkan pada suku tahun pertama 2024, menurun sebanyak 1.5 peratus berbanding 48,693 pada suku tahun pertama 2023.

Secara purata, satu kematian direkodkan setiap dua minit, 22 kematian direkodkan setiap jam dan 533 kematian sehari pada suku tahun pertama 2024. Bilangan kematian bagi lelaki ialah 27,434, manakala perempuan 20,530 kematian.

> **"Secara purata, satu kematian direkodkan setiap dua minit, 22 kematian direkodkan setiap jam dan 533 kematian sehari pada suku tahun pertama 2024."**

Antara punca paling tinggi yang dikenal pasti menyumbang kepada kematian sama ada lelaki dan perempuan adalah penyakit jantung dan kanser. Penyakit jantung atau penyakit kardiovaskular (CVD) secara konsisten menyumbang hampir 23.3 peratus kematian di Malaysia sejak bertahun-tahun lamanya.

Berdasarkan Kaji Selidik Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, 33.3 peratus orang dewasa di Malaysia atau 7.6 juta yang berumur 18 tahun dan ke atas menderita penyakit kolesterol tinggi, 3.6 juta penduduk atau bersamaan 15.6 peratus menghidap kencing manis, tekanan darah tinggi (6.7 juta).

Sementara itu, dianggarkan tujuh juta mereka yang berusia 18 tahun ke atas berisiko menghidap diabetes menjelang 2025, sekali gus meningkatkan kos perubatan yang perlu ditanggung kerajaan sebanyak RM5 bilion setahun bagi menangani masalah itu.

Manakala perbelanjaan kerajaan bagi merawat penyakit jantung dianggarkan sebanyak RM3.93 bilion daripada jumlah keseluruhan RM9.65 bilion kos perawatan kesihatan di mana penyakit jantung dilihat cukup membebankan negara.

Antara punca penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi adalah daripada pemakanan yang tidak terkawal, disusuli dengan faktor merokok, minum alkohol, kurang bersenam dan tekanan (stres).

Kita sebenarnya mampu mengatasi semua ini dengan mengamalkan cara hidup sihat dan gaya pemakanan yang sempurna. Pilihan di tangan kita. Mulai hari ini marilah kita lahirkan dan jadi generasi sihat. Pastikan penyakit jantung dan seangkatannya bukan lagi pembunuh utama.

**Imran Mohamad Nor ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia***

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI



# Remaja perempuan 14 tahun menyamar jadi doktor

**SEPANG:** Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun menyamar sebagai pegawai perubatan dan menawarkan diri untuk membantu melakukan pembedahan di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang dekat sini semalam.

Bagaimanapun, remaja terbabit tidak sempat membuat pembedahan tersebut selepas identiti sebenarnya terbongkar dan kemudiannya ditahan polis.

Ia susulan laporan daripada kakitangan hospital tersebut berkaitan seorang wanita yang tidak dikenali berada dalam bilik bedah.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisoner Wan Kamarul Azran Wan Yusof, dalam kejadian pukul 1 petang kelmarin, remaja itu mahu membantu menjalankan pembedahan.

Katanya, pada keesokan harinya, pihak hospital yang curiga dengan kehadiran remaja terbabit iaitu individu sama cuba mendaftarkan diri di kaunter dengan menggunakan identiti palsu.

"Pihak hospital terus menghubungi pihak polis dan tangkapan dilakukan pada pukul 9 pagi semalam di lobi hospital tersebut. Polis turut merampas sehelai baju scrub, seluar scrub dan lanyard hak milik hospital itu.

"Satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 448 kanun keseksaan / 170 kanun keseksaan iaitu menceroboh dan menyamar penjawat awam," katanya dalam kenyataan di sini, semalam..

Wan Kamarul berkata, jika sabit kesalahan hukuman bagi menceroboh boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tiga tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya dan hukuman bagi menyamar penjawat awam, pemenjaraan dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Polis turut menasihatkan orang ramai tidak menimbulkan apa-apa spekulasi serta tidak berkongsi berita tidak benar berkenaan kejadian ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Hazimi Doktor Prihatin rawat pesakit tanpa mengira kaum

67 1957-2024 Malaysia Tanah Airku

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my



DR. Mohammed Hazimi Abdul Razak (dua kiri) bersama pembantu Ambulans Prihatin memberi khidmat kepada pesakit pelbagai kaum.

**PUTRAJAYA:** Pengalaman sukar mendapatkan ambulans untuk menghantar pesakit kritikal ke hospital semasa Covid-19, mendorong Dr. Mohammed Hazimi Abdul Razak menyediakan perkhidmatan itu kepada masyarakat.

Ketika itu, dengan bantuan polis peronda, beliau terpaksa menghantar sendiri seorang pesakit kecemasan yang mengalami pendarahan berterusan dari sebuah klinik swasta ke hospital untuk rawatan.

Menurut beliau, dari situ tercetus hasrat untuk mewujudkan perkhidmatan Ambulans Prihatin melalui Pertubuhan Doktor Prihatin bagi membantu pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan kecemasan di hospital atau klinik pakar.

Pertubuhan itu juga menawarkan perkhidmatan mengambil sampel darah bergerak untuk kemudahan pesakit terlantar, tanpa perlu pergi ke hospital.

"Perkhidmatan ini mampu mengurangkan kesesakan di hospital, malah pesakit tidak perlu menunggu masa lama semata-mata hanya mahu membuat ujian darah bagi tujuan rawatan susulan.

"Kami akan bantu mengambil sampel darah di rumah dan hantar ke makmal hospital yang merawat pesakit. Mereka hanya perlu hadir berjumpa doktor pakar untuk menilai keputusan ujian darah dan rawatan susulan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Projek kebajikan tanpa keuntungan itu dapat mengurangkan bebanan keluarga dari segi masa, kos dan tenaga terutamanya bagi golongan kurang berkemampuan.

Keutamaan pesakit yang diberikan perkhidmatan itu ialah pesakit terlantar, pasca pembedahan, keretakan atau patah tulang yang tidak mampu bergerak.

Dr. Mohammed Hazimi berkata, antara perkhidmatan lain yang diberikan ialah rawatan dan konsultasi kesihatan dari rumah, selain penjagaan pesakit seperti pembersihan luka, menukar tiub urin dan saluran makanan bagi pesakit di rumah secara percuma.

Katanya, walaupun hanya memiliki sebuah ambulans dengan bantuan dua orang pembantu jururawat dan pemandu, pasukannya mampu membantu sehingga 25 kes sebulan sejak beroperasi pada Februari 2022 di kawasan sekitar Semenyih, Kajang, Bandar Baru Bangi, Bangi, Broga, Beranang dan Lenggeng.

Setakat akhir tahun lalu, sebanyak 595 pesakit pelbagai kaum telah dibantu dengan pesakit Melayu teramai sebanyak 365 pesakit, Cina (144 orang), India (81 orang) dan lain-lain (15 orang).

Usaha Murni Dr. Mohammed Hazimiitu melayakkan beliau menerima Anugerah My Hero 4.0 pada awal tahun ini anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) dengan sokongan Kementerian Perpaduan Negara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM

# Hasilkan produk herba harga berpatutan

SAUDARA PENGARANG,

**SEMAKIN** ramai yang sedar kepentingan menjaga kesihatan. Masyarakat juga mula mengenali manfaat herba dalam mengurangkan risiko penyakit dan meningkatkan sistem imun. Ini menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap produk herba, yang mana ia dianggap sebagai alternatif semula jadi lebih selamat berbanding dengan ubat-ubatan kimia yang mungkin mempunyai kesan sampingan tidak diingini.

Namun begitu, antara isu utama dalam pengkomersialan produk herba berkualiti tinggi adalah melibatkan harga yang lebih mahal berbanding produk herba biasa atau konvensional. Sudah tentu persepsi harga ini akan mempengaruhi kuasa membeli dan penggunaan produk dalam kalangan masyarakat.

Pemain industri perlu memainkan peranan penting dalam menangani isu ini. Dengan adanya kerjasama yang baik, waktu dan kos yang terlibat dalam proses penyediaan bahan mentah serta pengedaran produk dapat dikurangkan.

Program subsidi atau diskaun khas untuk produk berkualiti tinggi kepada pelbagai lapisan masyarakat juga perlu diwujudkan. Ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan bagi pengguna, seterusnya mendorong penggunaan produk herba berkualiti tinggi.

Melalui program subsidi, potongan harga atau bantuan kewangan boleh diberikan kepada pengguna yang memenuhi syarat tertentu. Contohnya, subsidi boleh ditujukan kepada golongan pendapatan rendah atau kepada mereka yang mempunyai keperluan khas, seperti warga emas atau individu dengan keadaan kesihatan tertentu.

Dengan adanya subsidi ini, pengguna akan memperoleh produk herba berkualiti tinggi dengan harga mampu milik dan ini akan mendorong penggunaan produk tersebut. Manakala program diskaun khas menjadikan pengguna lebih termotivasi untuk membeli. Melalui program subsidi atau diskaun khas ini, industri herba dapat memberi manfaat secara langsung kepada pengguna dengan mengurangkan beban kewangan dan membolehkan akses yang lebih meluas kepada produk berkualiti tinggi.

Dengan melaksanakan strategi-strategi ini, industri herba boleh mengurangkan halangan harga dan meningkatkan aksesibiliti kepada produk berkualiti tinggi bagi masyarakat umum. Ini akan membolehkan lebih ramai orang memperoleh manfaat kesihatan dan kesejahteraan yang optimal.

**PROFESOR MADYA DR. NOOR AKHMAZILLAH MOHD FAUZI**
Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



GOLONGAN berisiko perlu dikenalpasti dengan memperuntukkan mekanisma sistem saringan pengesanan awal jangkitan Hepatitis C bagi memastikan tiada keciciran sekali gus mengelakkan komplikasi kanser yang fatal. – GAMBAR HIASAN

# Cegah habis-habisan Hepatitis C

SAUDARA PENGARANG,

**HEPATITIS** secara umum merupakan radang hati akibat jangkitan virus, bahan toksik seperti alkohol, tindak balas autoimun atau kesan akibat pemakanan tertentu.

Jangkitan virus yang menyebabkan hepatitis pula boleh disebabkan oleh lima jenis virus iaitu Hepatitis A, B, C, D dan E.

Hepatitis C merupakan satu dari jangkitan virus pada hati yang penting dalam kesihatan awam di Malaysia.

Di Malaysia, dianggarkan 2.5 peratus jumlah jangkitan daripada keseluruhan 453,700 pesakit. Pesakit Hepatitis C biasanya mendapat komplikasi kanser hati yang akhirnya membawa kepada kematian.

Golongan yang berisiko mendapat jangkitan Hepatitis C termasuklah mereka yang pernah mendapat transfusi darah, kecederaan berulang oleh jarum suntikan yang tercemar dengan virus, mereka yang mempunyai pasangan hubungan intim yang berbilang serta anak-anak yang lahir dari ibu yang diketahui dijangkiti virus Hepatitis C.

Mereka yang dijangkiti Hepatitis C tidak mempunyai sebarang gejala yang khusus kecuali apabila mendapat gejala serius. Ini biasanya belaku apabila sebahagian hati sudah gagal berfungsi secara normal.

Ini termasuklah lemah badan, jaundis (kekuningan mata dan kulit), sakit bahagian kanan abdomen serta terdapat cecair dalam ruang abdomen (busung).

Namun terdapat pesakit yang datang dengan gejala pendarahan luar biasa seperti lebam pada kulit atau pendarahan hidung serta bahagian mulut yang biasanya gagal dikesan puncanya pada peringkat awal.

Namun, pengesahan diagnosis akhirnya dapat dilakukan melalui indeks jangkaan *(suspicious index)* melalui siri ujian darah dan penyiasatan makmal yang relevan.

Dalam jangkitan Hepatitis C kronik, situasi pendarahan luar biasa boleh berlaku disebabkan oleh kegagalan faktor pembekuan tertentu yang dihasilkan oleh hati.

> "Pesakit Hepatitis C biasanya mendapat komplikasi kanser hati yang akhirnya membawa kepada kematian."

Disebabkan tiada vaksin untuk mencegah Hepatitis C pada masa ini, langkah kawalan dan pencegahan lebih tertumpu kepada saringan awal serta segera memberikan rawatan-anti virus yang awal kepada mereka yang terbukti mendapat jangkitan.

Kementerian Kesihatan mempunyai sistem saringan yang lebih menyeluruh ke atas stok darah-darah yang digunakan untuk pesakit yang memerlukan.

Kewujudan kit-kit saringan untuk sebarang potensi jangkitan kepada penerima tranfusi darah telahpun dimanfaatkan.

Golongan berisiko perlu dikenalpasti dengan memperuntukkan mekanisma sistem saringan pengesanan awal jangkitan Hepatitis C bagi memastikan tiada keciciran sekali gus mengelakkan komplikasi kanser yang fatal.

Dengan memanfaatkan komitmen organisasi jagaan kesihatan di peringkat global (iaitu Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dan tempatan (Kementerian Kesihatan), setiap kita yang berada dalam masyarakat wajar turut bersama-sama membantu menggerakkan usaha kawalan dan pencegahan terhadap Hepatitis C.

Individu berisiko perlu dinasihatkan tampil menjalani saringan secara rutin.

Fungsi keluarga dengan menanamkan nilai murni dapat mengelakkan cara hidup tidak sihat.

**PROFESOR MADYA DR. MALINA OSMAN**
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,
Universiti Putra Malaysia (UPM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : KOMUNITI KITA



# Ahli WI Kampung Bukit Betong jalani saringan *pap smear*

SERAMAI 15 orang wanita telah menjalani saringan kesihatan Pap Smear anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) di Kampung Bukit Betong, Lipis, Pahang baru-baru ini.

Pengerusi WI Bukit Betong, Masilah Abu Bakar berkata, saringan kesihatan itu dilaksanakan oleh jururawat Klinik Kesihatan Bukit Betong adalah aktiviti berkala saringan Ujian HPV.

Ia bagi mengesan kewujudan virus HPV pada serviks yang mengundang risiko menyebabkan ketuat kelamin, sel serviks yang tidak normal serta kanser serviks.

"Aktiviti tersebut mengandungi ceramah dan ujian kendiri untuk menitip kesedaran kepada ahli WI supaya cakna kepada kesihatan diri terutamanya bagi mengelakkan terkena kanser serviks serta pada masa yang sama mewujudkan ukhuwah sesama ahli WI dan kaki tangan klinik kesihatan di sini," katanya di Kampung Bukit Bentong, Lipis baru-baru ini.

■ AHLI Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) bersama petugas Klinik Kesihatan dalam program menyertai ceramah dan ujian *pap smear* di Kampung Bukit Betong, Lipis baru-baru ini. – UTUSAN/ HARIS FADILAH AHMAD

**AKHBAR** : THE STAR
**MUKA SURAT** : 1
**RUANGAN** : MUKA HADAPAN

**Nation**
**Spike in demand**
Strengthening of ringgit spurs both the sale and purchase of various foreign currencies. >6

**The Star** people's paper
FRIDAY 9 AUGUST 2024 • PP19652/12/2020 (035234) RM3.00

mStar urban·versatil
Modern and trendy
with over 20 million pageviews
Scan to view
mstar.com.my

# Long Covid spelt out

Finally, medical practitioners have a clear picture for diagnosis and treatment of the condition. An American medical body has defined Long Covid, which is also expected to ease the insurance claims process and for issuing of medical certificates. > See reports on page 5 by **RAGANANTHINI VETHASALAM**




Photo: FAIHAN GHANI/The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

# Long Covid is real and defined

## New guidelines by Nasem aim to standardise diagnosis

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Long Covid was finally defined after health practitioners worldwide spent years after the pandemic uncovering its traits by studying patients with the condition.

According to a recently released Washington-based National Academies of Sciences, Engineering and Medicine (Nasem) report, Long Covid is an infection-associated chronic condition that occurs after a SARS-CoV-2 infection.

The infection is present for at least three months either continuously, relapses and remits or progresses and affects one or more organ systems.

Nasem called on state and local authorities, clinicians, medical societies and organisations, public health practitioners, employers and educators to adopt the new definition for Long Covid.

"While several working definitions exist, no common definition for Long Covid has been agreed upon. The lack of a consensus definition presents challenges for patients, clinicians, public health practitioners, researchers and policymakers," Nasem said.

For patients, varying presentations of the disease and competing definitions can lead to difficulties accessing medical care or obtaining support, scepticism and dismissal of their experiences, delayed or denied treatment and social stigma," it added.

Gordon and Betty Moore Foundation president Harvey Fineberg and the authoring committee chair said the lack of definition for Long Covid has hampered research and delayed diagnosis and care for patients.

Long Covid manifests in multiple ways, Nasem said, adding that any organ in the system could be involved.

This could include single or multiple symptoms, such as shortness of breath, cough, persistent fatigue, post-exertional malaise, difficulty concentrating, memory changes, recurring headache, lightheadedness, fast heart rate, sleep disturbance, problems with taste or smell, bloating, constipation and diarrhoea.

Single or multiple diagnosable conditions are also possible.

These include interstitial lung disease and hypoxemia, cardiovascular disease and arrhythmias, cognitive impairment, mood disorders, anxiety, migraine, stroke, blood clots, chronic kidney disease, postural orthostatic tachycardia syndrome and other forms of dysautonomia.

Other conditions include myalgic encephalomyelitis or chronic fatigue syndrome, mast cell activation syndrome, fibromyalgia, connective tissue diseases, hyperlipidemia, diabetes and autoimmune disorders such as lupus, rheumatoid arthritis and Sjogren's syndrome.

Based on the report, Long Covid can follow an asymptomatic, mild or severe SARS-CoV-2 infection and previous infections that may have been recognised or unrecognised.

It can be continuous from the time of acute infection or can be delayed in onset for weeks or months following what had appeared to be a full recovery from acute infection.

The condition can range from mild to severe and can resolve over a period of months or persist for months or years, the report said.

It can affect children and adults and exacerbate pre-existing health conditions or present new conditions.

"Long Covid can be diagnosed on clinical grounds.

"No biomarker currently available demonstrates conclusively the presence of Long Covid," the report stated.

"Long Covid can impair individuals' ability to work, attend school, take care of family, and care for themselves.

"It can have a profound emotional and physical impact on patients and their families and caregivers."




# Defining Long Covid could ease insurance process

**PETALING JAYA:** Now that the definition of Long Covid has been established, it may be easier for medical practitioners to carry out clinical practices and research.

Assoc Prof Dr Tan Toh Leong said the standardised definition would allow researchers to investigate the disease further.

He said it could also ease the insurance claims process if Long Covid is covered by policies as well as for the issuance of medical certificates to justify why a patient is unable to work.

It will also allow the government to determine budget allocations for hospitals, he said.

However, the Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia Emergency Medicine senior consultant said that there is a flipside to defining the condition.

"It is too specific. Patients could be misdiagnosed or overdiagnosed for other diseases which display similar symptoms that jeopardise the management of other diseases," he said.

Assoc Prof Tan, who has handled Covid-19 cases, said Long Covid symptoms are similar to post-sepsis syndrome.

Post-sepsis syndrome refers to the continuing display of physical and emotional symptoms after recovering from sepsis.

He said diseases with similar symptoms to Long Covid such as malaria, dengue and influenza could be placed under a single umbrella to make clinical management decisions and insurance claims easier.

Meanwhile, former health deputy director-general Datuk Dr Christopher Lee took to his X account to say that the National Academies of Sciences, Engineering and Medicine (Nasem) 2024 definition presented a core description, a list of characteristic symptoms and associated diagnosable conditions and seven important features.

"This provides some clarity and uniformity in Long Covid diagnosis," he said.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, in a parliamentary written reply on March 5, said at least 7,606 patients underwent outpatient rehabilitation services for Long Covid at the ministry's facilities from 2020 to 2023.

He said in the first two years of the pandemic, 7,394 patients received structured interdisciplinary medical rehabilitation as outpatients for Long Covid care.

However, there was a significant decrease in 2023, with 212 patients undergoing medical rehabilitation, he added.

He said a total of 22 deaths were reported among Long Covid patients, referred to the Sungai Buloh Hospital Covid-19 rehabilitation outpatient specialised services, between November 2020 and September 2022.

However, Dzulkefly said, the cause of death was not directly linked to Covid-19 but involved other complications.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

# No drugs found in student who collapsed after vaping

**KUALA TERENGGANU:** No trace of drugs was found in the blood sample taken from the Form Four student who collapsed after a suspected epileptic seizure believed to have been caused by vaping on July 22.

Terengganu police chief Datuk Mohd Khairi Khairudin said the analysis results from the Chemistry Department were received last Tuesday.

"The student from Kemaman is currently in a stable condition and receiving treatment at Kemaman Hospital.

The Chemistry Department's report shows no traces of drugs, so no charges will be filed.

"The student occasionally experiences fits and doctors are working to determine the cause," he said after launching the National Month and Fly The Jalur Gemilang 2024 campaign at the Federal Complex here yesterday, according to Bernama.

Elaborating on the issue, Mohd Khairi said the police would tighten monitoring of electronic cigarette shops to combat the sale of "magic mushroom" vapes.

He noted that although seizures and arrests related to this issue were currently limited and involved isolated cases, the police are taking it seriously and will increase inspections.

On a separate note, Mohd Khairi advised road users to not display or fly the Jalur Gemilang in ways that could endanger other road users.

"I urge the public to follow traffic regulations.

"Celebrate the National Month responsibly.

"Any activities on the roads should be conducted with consideration for others, to avoid causing inconvenience," he said.

# Teen poses as medic to assist in surgery

**SEPANG:** A 14-year-old girl was arrested a day after she was found inside an operating theatre claiming to be a medical officer who wanted to assist in a surgery.

Sepang OCPD Asst Comm Wan Kamarul Azran Wan Yusof said a report was lodged on Aug 7.

"On Aug 8 at around 8.30am, the hospital spotted the same individual who tried to register herself using a fake identity.

"The police were called and an arrest was made," he said in a statement yesterday.

The teenager was caught at the lobby of the hospital and the police seized a medical scrub and a lanyard belonging to the hospital.

"The police urge the public to not speculate on the matter as well as to refrain from sharing false news on the matter," he said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : VIEWS

# Concern over unauthorised sale of prescription medications

I AM highlighting a deeply concerning issue that poses a significant threat to public health in Malaysia – the unauthorised sale of prescription medications by retail pharmacies.

Despite multiple reports and complaints lodged with the pharmacy enforcement authority, the enforcement of regulations remains alarmingly weak. Consequently, many retail pharmacies continue to sell prescription drugs as if they were everyday groceries, thereby undermining the quality of patient care, particularly for those with chronic illnesses.

The sale of prescription drugs without proper authorisation is not just a regulatory oversight; it is also a public health crisis. When patients can easily obtain medications without a valid prescription, they are deprived of essential medical guidance. This can lead to incorrect usage, dangerous drug interactions, and exacerbation of underlying health conditions.

For chronic illnesses in particular, self-medication without professional supervision can result in severe health complications, increased hospital admissions, and even fatalities.

The scope of this problem cannot be downplayed.

Prescription medications are potent substances that require careful monitoring and dosage adjustments by qualified healthcare professionals. When these drugs are dispensed without a proper prescription, it opens the door to misuse and abuse.

For instance, antibiotics sold



without prescriptions can lead to antibiotic resistance, a growing global health threat. Patients who self-prescribe antibiotics for viral infections, against which these drugs are ineffective, contribute to the development of resistant bacteria, making future infections harder to treat.

Some chain pharmacies are employing "online doctors" to generate prescriptions without truly examining the patients. These online consultations often lack thorough medical evaluations, leading to superficial assessments based solely on patient-reported symptoms.

These practices increase the risk of misdiagnosis, inappropriate medication prescriptions, and potential adverse drug interactions.

Furthermore, medications for chronic conditions such as hypertension, diabetes and hyperlipidemia necessitate personalised treatment plans, which are often adjusted based on the patient's response to therapy and the presence of any side effects. Without professional oversight, patients may use incorrect dosages or inappropriate drug combinations, leading to uncontrolled disease progression and potentially life-threatening complications.

The continued availability of prescription drugs without prescriptions indicates a systemic failure to uphold and enforce the existing regulations. This negligence not only endangers individual health but also undermines public trust in our healthcare system.

In Singapore, the sale of prescription medications is strictly controlled, and pharmacies adhere rigorously to the law. Even a common steroid cream cannot be sold without a valid prescription.

This stringent enforcement ensures that patients receive appropriate medical guidance and that medications are used safely and effectively.

Malaysia must adopt a similarly strict approach to pharmacy regulation. It is imperative that we also strengthen enforcement measures and ensure that pharmacies comply with the law. This will not only protect public health but also elevate the standard of medical care in our country.

Pharmacists, as healthcare professionals, have a duty to ensure that medications are used safely and appropriately. By bypassing the prescription process, they undermine the trust that patients place in the healthcare system, creating a dangerous precedent where convenience is prioritised over safety.

Concerted efforts are needed to educate the public on the importance of following medical advice and obtaining medications through the proper channels.

Healthcare professionals, including doctors and pharmacists, must collaborate to reinforce the message that self-medication can be harmful and professional guidance is essential for safe and effective treatment.

By bringing this matter to the forefront, we can educate the public on the dangers of purchasing prescription medications without a prescription and pressure the authorities to take decisive legal action against non-compliant pharmacies.

**A CONCERNED FAMILY PHYSICIAN**
**Johor**